

# Anwar digesa campur tangan tangguh hukuman mati rakyat Malaysia di Singapura

**Perdana Menteri,** Datuk Seri Anwar Ibrahim digesa campur tangan bagi menangguhkan pelaksanaan hukuman mati ke atas seorang rakyat negara ini yang akan dilaksanakan di Singapura, Khamis ini.

Gesaan itu dikemukakan Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh yang mewakili tiga lagi wakil rakyat, masing-masing Wong Chen (Subang); Syerleena Abdul Rashid (Bukit Bendera) dan P Prabakaran (Batu).

Bercakap pada sidang media di Parlimen, semalam, Ramkarpal berharap, Pannir Selvam Pranthaman, 30, dibenarkan kembali ke Malaysia untuk menjalani hukuman penjara sambil membantu siasatan kes membabitkannya.

Beliau berkata, keluarga Pannir sudah membuat laporan polis berhubung maklumat mengenai seorang perekrut dari Malaysia, pada 12 Februari lalu, selain mahu mengetahui perkembangan

siasatan kes terbabit.

Selepas 10 tahun menunggu, katanya, keluarga Pannir akhirnya menerima pengesahan daripada polis mengenai kertas siasatan itu sudah dibuka dan pegawai penyiasat telah dilantik.

“Bagaimanapun, mereka menerima notis pelaksanaan hukuman mati yang dijadual dilakukan Khamis ini, semalam (kelmarin).

“Kami berharap Pannir akan dibenarkan kembali ke Malaysia untuk menjalani hukuman sambil memberikan maklumat bagi membantu siasatan.

“Kami berpendapat Pannir hanya keldai dadah dan tidak sepatutnya dihukum gantung, sedangkan anggota sindiket dadah masih bebas dan berkemungkinan sedang menyusun strategi baharu untuk memperdaya rakyat Malaysia yang tidak menyedari kandungan bungkusannya membawa mereka,” katanya.

Pada 2017, Pannir disabitkan

bersalah di mahkamah Singapura kerana bertindak sebagai penghantar dadah dengan membawa 51.84 gram heroin ke negara itu, kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori.

Dia ditahan di pos pemeriksaan Woodlands, pada 3 September 2014.

Ramkarpal berkata, kerajaan wajar berbuat demikian memandangkan Pannir memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa Malaysia dan Singapura, selain kedua-dua negara diharapkan tidak meneruskan hukuman mati ke atasnya.

“Walaupun Mahkamah Tinggi Singapura memutuskan Pannir mengangkut dan menghantar dadah di bawah Seksyen 33B(2)(a)(i) Akta Penyalahgunaan Dadah 1973, dia tidak diberikan Sijil Bantuan Substantif.

“Sijil ini pengiktirafan daripada Pendakwa Raya Singapura mengenai Pannir sudah memberi maklumat penting bagi

membantu siasatan kes dadah di negara berkenaan,” katanya.

Sementara itu, Chen berkata, Anwar wajar menggunakan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN untuk mendesak mekanisme lebih adil dalam kes seperti Pannir.

Beliau juga menggesa Ahli Parlimen Singapura supaya turut bersuara mengenai kes terbabit memandangkan ia merentasi kepentingan parti, selain mahu melihat pentadbiran baharu Lawrence Wong menjadi lebih progresif dan berpandangan jauh.

“Seperti yang kita tahu, Malaysia sudah memansuhkan hukuman mati mandatori. Kami masih mengekalkan hukuman mati sebagai pilihan, tetapi semua pelaksanaan hukuman telah dibekukan.

“Ini langkah baik, dan saya rasa Singapura boleh mengikuti jejak berkenaan. Singapura boleh kekal tegas dengan undang-undang mereka.